

**PELAKSANAN PENGURUSAN PASUKAN BOLA SEPAK UNTUK PROGRAM SUKAN  
PRESTASI TINGGI SEKOLAH MALAYSIA****Husin Hj. Deraman, Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud (PhD)****& Rahmad Sukor Ab. Samad (PhD)\***

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

*rahmad@um.edu.my*

**Abstract:** High performance sports schools programs (SPTS) are the sports development programme which are aimed to produce talents at the grassroots. Nowadays, the SPTS programme have been 9 years in progress for 8 games namely football, badminton, athletic, sepak takraw, gymnastic, gymrama, netball and archery. This research was conducted to evaluate the concept of management for football teams using a theory that was introduced by Dean & West (1999); and Gould (2012). Based on this theory, 4 factors were used in the sports management. The 4 factors are team management, training, evaluation and monitoring & supervising. Survey method is used as the methodology in this research. This research would choose sampling that consists of management group and officials at 40 SPTS centres in Malaysia which covered 208 respondents. The findings of this research showed that SPTS in Malaysia, in overall, is strongly effective in the 4 researched factors. From the aspect of sub scale, it was found that monitoring and supervising strategies about recording system was at the moderate level and financial factor in management aspect was at the moderate level as well. This research findings can be used by the schools which are interested to develop sports especially football. The concept of football team management can assist our country in producing high performance players at the international level in the future provided that the players are trained systematically with the right method.

**Keywords:** *sport management, sport school programme***PENGENALAN**

Sekolah ialah satu organisasi sosial yang meliputi satu kumpulan manusia yang menjalankan tugas secara berstruktur untuk mencapai matlamat yang dikongsi bersama. pengetua dan guru besar dilihat sebagai tunggak utama untuk memimpin dan menerajui pengurusan dan hala tuju sekolah. Gaya pemikiran seorang guru besar atau pengetua sesebuah sekolah adalah berbeza dengan sekolah yang lain. Cita rasanya, pembawaannya dan cara melaksanakan tugasnya adalah berlainan. Pada kebiasaannya, cara mengurus juga berbeza (Ibrahim, 2001). Pembangunan sukan bola sepak di sekolah-sekolah Malaysia masih lagi dalam proses transformasi dan isu-isu tentang pembangunan sukan di sekolah kerap diperbincangkan di media-media tempatan oleh pemimpin-pemimpin institusi atau organisasi dan penggemar sukan tanah air. Persatuan Sukan Kebangsaan (NSA) kerap menudung jari kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tentang isu-isu pembangunan sukan di akar umbi. Mereka berpendapat KPM masih belum berjaya memainkan peranannya dalam membangunkan sukan sepenuhnya. Masyarakat pula melihat NSA tidak bertindak secara agresif untuk membangun sukan yang dipimpinnya. Kerajaan pula telah banyak mengeluarkan peruntukan kewangan bagi memenuhi tanggungjawab sosialnya. Penglibatan pihak swasta dalam menyokong dasar-dasar kerajaan untuk membangun negara masih lagi tidak jelas tahap penglibatan dan peranannya.

Mengikut Khoo (1994), sekolah adalah tempat lahirnya atlet-atlet berbakat dan juga tempat atlet yang berpotensi di beri latihan dan bimbingan. Dalam sejarah negara ini, sekolah memainkan fungsi terpenting melahirkan bakat yang kemudian berkembang menjadi gergasi. Pembangunan sukan akar umbi di Malaysia adalah semestinya bermula di sekolah-sekolah kerana alam persekolahan di Malaysia bermula pada umur 6 tahun hingga 17 tahun. Pada tahap inilah dunia atlet perlu bermula dan pendedahan awal perlu dimulakan. Adalah di dapat sangat jarang atlet yang telah menempah kejayaan awal di usia muda sebagaimana yang berlaku kepada Martina Hingis dan Tiger Wood, tetapi ia boleh dilakukan jika pembangunan atlet yang berterusan dilakukan dengan program latihan yang efisen dan dimulakan di peringkat awal kanak-kanak lagi (Bompa, 1995).

Episod kegagalan berturutan untuk memperoleh pingat emas bagi kontinjen Malaysia di temasya Sukan Olimpik di Sydney (2000) hingga Sukan Olimpik London pada tahun 2012, ia telah mencetuskan isu pembangunan sukan menjadi semakin satu isu besar khususnya berkaitan dengan perkembangan sukan di Malaysia. Hishamuddin (2000), mantan Menteri Belia dan Sukan pernah berkata bahawa pencapaian Kontinjen Malaysia pada Sukan Olimpik di Sydney, Australia menunjukkan atlet negara memerlukan usaha yang lebih lagi untuk menjadi setaraf dengan atlet dunia yang lain. Dalam persaingan sukan bola sepak di persada antarabangsa, negara kita masih lagi berada jauh kebelakang khususnya dalam kalangan negara sedang membangun. Indikator ini dapat dilihat melalui senarai kedudukan yang di keluarkan oleh FIFA pada awal tahun 2016 yang mana pasukan Malaysia berada sebaris dengan pasukan negara-negara yang mundur prestasi pasukannya seperti Timor Leste, Mauritius, Puerto Rico dan Comoros.

Begitu juga dengan prestasi pasukan bola sepak belia/remaja Malaysia yang masih mengalami keadaan yang tidak menentu; kadangkala meningkat dan kadangkala menurun. Prestasi pasukan belia/remaja kita masih jauh tidak boleh menandingi kehebatan pasukan dari negara Asia seperti China, Jepun dan Korea. Terkini, pasukan bola sepak kebangsaan Malaysia tidak layak untuk menyertai Kejohanan Bola Sepak Dunia Qatar 2018 setelah tewas dalam perlawanan pusingan kelayakan lagi. Oleh itu, untuk mengubah senario ini, pembangunan bola sepak di akar umbi yang berpusat sekolah perlu diadakan. Di atas kesedaran ini KPM telah mengorak langkah sebagaimana yang termaktub di dalam dokumen Dasar Sukan Negara (DSN), KPM mempunyai peranan secara langsung dalam aspek ini. Dipetik daripada dokumen tersebut di Bahagian D, Strategi dan pelaksanaan, No. 13 (ii) Kementerian Pelajaran hendaklah menggalakkan sukan secara aktif di maktab-maktab dan politeknik-politeknik manakala Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia pula akan menggalakkan aktiviti tersebut di institusi-institusi pengajian tinggi.

Di Amerika Syarikat sendiri, negara yang maju dalam sukan, kajian telah mendapati bahawa program peningkatan pendidikan jurulatih yang rasmi dapat mempengaruhi peningkatan pengetahuan dan prestasi jurulatih, tetapi hanya segelintir sahaja daripada jurulatih belia/remaja yang terlibat (Clark, 2000). Mengikut Gilbert & Trudel (1999) perancangan program latihan yang efisen akan meningkatkan prestasi pengurusan masa yang akan meningkatkan lagi masa aktiviti latihan, peningkatan positif yang khusus terhadap sikap kemanusiaan jurulatih dan perkembangan personaliti atlet. Mengikut Ferguson (1999), penglibatan belia Amerika Syarikat dalam organisasi sukan telah mencapai 40 juta orang dan 56% adalah belia/remaja yang berumur 5-10 tahun. Peningkatan kepada penglibatan atlet lelaki dan perempuan ini (NFHS, 2002) telah mengakibatkan meningkatnya kepada keperluan jurulatih-jurulatih berkelayakan di sekolah-sekolah tinggi dan belia/remaja. Di dapat daripada 3.1 juta jurulatih yang terlibat di semua peringkat sukan belia/remaja, 500,000 jurulatih adalah terlibat di Sekolah Tinggi (Clark, 2000). Selain daripada itu, mengikut Sieh Kok Chie (2001), pembangunan sukan di akar umbi sekarang telah memasuki era kegelapan kerana pihak sekolah dan kelab tidak memainkan peranannya yang berkesan sebagai badan yang bertanggungjawab dalam mencari bakat baru dan mengetuai untuk mengerakkan program pembangunan seluruh Malaysia. Fungsi sekolah dan kelab sebagai landasan pembangunan sukan haruslah di beri perhatian serius manakala persatuan peringkat negeri mestilah memainkan peranannya sebagai penaung kepada sekolah, kelab sukan dan persatuan sukan daerah. Permasalahan ini juga adalah natijah daripada kegagalan Persatuan Sukan Kebangsaan (NSA) yang gagal bertindak selaku organisasi atau agensi yang dipertanggungjawabkan dalam melakukan program pembangunan sukan sebagaimana yang dirancang oleh kerajaan selaku pihak yang mengeluarkan peruntukan kewangan. NSA telah gagal menggunakan peruntukan kewangan sebaik-baiknya. NSA perlu lebih proaktif melaksanakan program pembangunan atlet remaja dengan mengambil peluang menerusi program bersama sekolah dan komuniti. NSA perlu perbanyakkan penubuhan kelab-kelab dan aktifkan penglibatan ibubapa disamping kejohanan peringkat negeri dan sekolah (Imran Tunku Jaafar, 2012).

Kajian ini dilakukan untuk mengetahui sejauh manakah pihak pengurusan pasukan bola sepak Program SPTS mengurus pasukan dengan menggunakan kaedah pengurusan yang sedia ada dan ianya boleh dijadikan contoh dan digunakan sebagai panduan di sekolah yang lain. Mengikut Bompa, (1995) kebanyakan orang berkata bahawa proses menghasilkan atlet di German Timur satu ketika dahulu adalah merupakan perkara yang ajaib dan mempunyai rahsianya sendiri. Kejayaan demi kejayaan atlet-atelet dari German Timur dapat buktikan. Penglibatan pihak kerajaan dalam penyediaan peruntukan kewangan yang banyak adalah juga merupakan salahsatu faktur kejayaannya. Walaubagaimana pun, kunci kejayaannya yang sebenar adalah hasil daripada penyediaan perancangan latihan jangka panjang yang efisen di samping mereka menggunakan khidmat jurulatih-jurulatih yang berkalibar (mengikut kadar satu jurulatih 10 atlet), kemudahan sukan yang mencukupi serta penggunaan kaedah sains sukan dan teknologi. Mengikut Gagne (1991), salah satu masalah utama sukan Malaysia ialah penekanan yang lebih diberikan oleh masyarakat Malaysia kepada pelajaran dibandingkan dengan sukan. Ibu bapa juga tidak dapat menerima hakikat bahawa kejayaan akademik boleh seiring dengan kejayaan di bidang sukan. Negara-negara Barat telah membuktikan bahawa

kebanyakan atlet yang berjaya juga adalah seorang pelajar yang cemerlang dalam akademik. Jadi adalah tidak mustahil untuk mencapai kejayaan di kedua bidang tersebut. Pasukan bola sepak Korea Selatan ke Barcelona adalah pelajar Universiti di bidang jasmani. Jika dibandingkan dengan pemain kita, tidakkah tahap pendidikan merupakan sesuatu kekurangan.

Kerap berlaku di peringkat awal penglibatan atlet remaja, jurulatih atau ibubapa yang kurang pengetahuan dalam bidang sukan telah membuat kesilapan memilih acara sukan yang perlu diceburi oleh anaknya. Pilihan yang mereka buat tidak tepat sebagaimana bakat atau kemampuan yang anak atau atlet mereka mampu. Maka di sini terjadilah kecenderungan memaksa atlet remaja untuk membuat pengkhususan awal terhadap jenis sukan permainan yang mereka ceburi berbanding dengan umurnya. Juga terdapat sikap jurulatih dan ibu bapa yang terlampaui bermegah untuk menyertai pertandingan yang akhirnya membuatkan atlet tersebut terkandas awal sebelum kejohanan peringkat senior yang lebih sesuai dalam proses pembangunan dan latihan. Matlamat atlet yang sebenarnya adalah untuk memastikan mereka dapat menguasai bidang sukan yang diceburi secara konsisten dengan jayanya dan atlet tersebut sempat terlibat dengan pertandingan di peringkat senior (Smith, 2003).

Maklumat-maklumat dari kajian ini boleh dijadikan panduan dalam usaha untuk memartabatkan program sukan bola sepak di sekolah-sekolah. Maklumat-maklumat tentang keberkesanannya ini bolah dikongsi bersama dengan sekolah-sekolah yang terlibat dengan sukan bola sepak samaada sekolah berprestasi tinggi sukan atau sekolah-sekolah aliran biasa. Penyelidik juga ingin mengetahui samada kaedah pengurusan yang digunakan inisiesuai atau tidak untuk program pembangunan bola sepak di sekolah atau perlu kepada penambahbaikan atau memerlukan pembinaan model lain yang lebih sesuai. Mengikut Wein (2007) program latihan, kepakaran dan pengalaman jurulatih, tingkahlaku sosial di kelab atau sekolah dan struktur pengurusan pertandingan akan memainkan peranan yang penting bagi mempengaruhi keputusan seorang remaja untuk memilih sukan bola sepak sebagai permainan pilihannya.

Kajian-kajian tentang sukan dikelaskan berdasarkan kepada aspek-aspek seperti pengurusan sukan, psikologi sukan, kemanusiaan dalam sukan dan sains sukan. Sehubungan itu, teori berkaitan dengan bola sepak, kebanyakannya adalah tertumpu dalam aspek teknikal dan tingkahlaku manusia (pemain bolasepak). Kajian ini akan menggunakan Teori Dean and West (1999) tentang teori masa hadapan sebagai penanda aras atau pencapaian yang dikehendaki terhadap jurulatih bola sepak dan pegawai pasukan bolasepak yang terlibat. Selain itu, teori oleh Gould (2012) juga digunakan berkaitan dengan ciri-ciri atlet atau pemain sebagai panduan kepada pegawai/jurulatih dalam proses latihan dan pencarian bakat dalam kajian ini.

Teori kajian ini akanditerangkan dalam bentuk grafik atau naratif perkara-perkara utama dalam kajian, faktor utama, konsep atau pembolehubah dan andaian tentang hubungan antaranya (Miles & Huberman, 1994). Kajian ini akan menggunakan dua teori iaitu teori pertama untuk pegawai dan jurulatih dan keduanya, untuk atlet dan pemain. Teori pertama yang digunakan iaitu untuk pegawai/jurulatih, yang mana teori ini digunakan untuk menanalisis aspek tingkah laku atau sikap jurulatih atau pegawai terlibat dalam melaksanakan tugas melatih pasukan bola sepak program SPTS menepati atau merujuk kepada teori yang diperkenalkan oleh Dean dan West (1999). Penyelidik akan merujuk kepada ciri-ciri pekerja (jurulatih/guru) yang dikehendaki pada tahun 2015 sebagaimana dapatkan kajian Dean & West yang mana ia sebagai penanda aras ciri-ciri keberkesanannya untuk dicapai oleh semua pegawai dan jurulatih untuk cemerlang dan Berjaya. Ciri-ciri yang dimaksudkan adalah etika kerja yang positif; kemauhan untuk belajar; personaliti kerja bergantung/penesuaian; kebolehan memproses data statistik; kebolehan persembahan oral; dan kemahiran matematik.

Teori kedua adalah untuk atlet/pemain yang mana tertumpu kepada panduan-panduan membentuk atlet yang berjaya yang dicadangkan oleh Daniel Gould dari Michigan State University. Panduan pegawai jurulatih merujuk kepada ciri-ciri Gould (2012) iaitu sentiasa pertingkat dan mengekalkan sikap positif; sentiasa bersedia dengan program dan aktiviti yang tidak dijangka; sentiasa bijak dalam menjangka perkara yang tidak dijangka; sentiasakekalkan rutin yang ada; sentiasa berfikir bijak dalam membuat keputusan untuk menyertai majlis pembukaan rasmi kejohanan; sentiasa berhati-hati dengan situasi perkampungan sukan; sentiasa membuat plan dalam mengurus kawan dan keluarga; dan sentiasa bersedia dengan pihak media.

### ***Hubungan penglibatan dalam sukan dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah di Malaysia***

Kajian tentang pengurusan pasukan bola sepak atau pun pengurusan sukan SPTS masih belum dijalankan oleh mana-mana pengkajian samada di dalam negara atau luar negara. Walaubagaimana pun kajian-kajian dalam bidang sukan secara umum ada dijalankan umpamannya tentang mengenalpasti hubungan antara aktiviti sukan atau sukan permainan tertentu di sekolah dan pencapaian akademik pelajaroleh Salleh (2002). Tujuan kajian untuk melihat hubungan penglibatan dalam sukan dan pencapaian akademik dikalangan pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. Fokus utamanya, ialah untuk membandingkan pencapaian akademik atlet dan bukan atlet mengikut pencapaian akademik keseluruhan, mata pelajaran dan pembolehubah jantina, lokasi sekolah dan pendapatan keluarga. Perbandingan pencapaian akademik ini dilakukan mengikut pembolehubah jumlah masa latihan, jenis sukan dan peringkat wakil. Selain itu, ada juga kajian tentang sukan bola sepak dijalankan, tetapi fokus kajian kepada aspek teknikal sukan bola sepak sahaja. Kajian seperti ini telah dijalankan oleh Abu Zarin (2002) iaitu tentang kesesuaian bateri ujian kecergasan fizikal pemain akademi bola sepak. Matlamat kajiannya ialah untuk membina satu Bateri Ujian bagi menguji kecergasan fizikal pemain akademi bola sepak. Wan Mohd Din (2004) pula telah membuat kajian tentang keberkesan pengurusan sukan di sekolah-sekolah menengah Daerah Gombak. Kajiannya bertujuan untuk mengenalpasti dimensi keberkesan pengurusan sukan sekolah yang dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah. Lima dimensi pengurusan sukan sekolah yang dijadikan fokus kajiannya ialah perancangan sukan sekolah, kepimpinan dan pengelolaan, pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia, kemudahan termasuk peralatan sukan dan penyertaan pelajar. Dapatkan kajiannya mendapat bahawa perancangan sukan sekolah merupakan dimensi yang paling mempengaruhi keberkesan pengurusan sukan sekolah.

#### ***Kajian Luar Negara berkaitan dengan pengurusan sukan***

Kajian di luar negara, antara tahun 2005 hingga 2012 tentang pengurusan sukan bola sepak kebanyakannya tertumpu dalam aspek pengurusan teknikal. Montanari, Silvestri, Gallo (2008) telah mengkaji tentang kesan pembelian pemain baru di hujung musim terhadap prestasi pasukan bola sepak dalam “Serie A” Italy. Kajian ini melibatkan data semua pemain yang terlibat mula musim 1994/95 hingga musim 2002/03 yang mana dapatkan kajian menunjukkan dengan mengekalkan pemain lama akan meningkatkan daya stabiliti pemain dan pasukan. Implikasi kajian, mendapati bahawa hasil dari hubungan yang terjalin dalam masa yang lama antara pemain yang dikekalkan boleh meningkatkan prestasi pasukan. Kajian dalam aspek pengurusan teknikal tentang kesan lokasi perlawan kepada kaedah menjaring gol dalam Liga Bola Sepak Profesional di Norway. (A.P.C Tenga, I. Holme, L.T Ronglan & R. Bahr ,2010). Tujuan kajian adalah untuk mengenalpasti kesan lokasi perlawan terhadap kaedah menjaring gol dalam Liga Bola Sepak Profesional Norway dengan menilai respon pihak lawan.

Kajian luar negara juga kebanyakannya memberi tumpuan dalam bidang pengurusan sukan bola sepak aspek kemanusiaan. Umpamanya, C. Thelwell, A. Greenless, V. Weston (2009) telah mengkaji kesan penggunaan kemahiran psikologi terhadap prestasi keseluruhan pasukan bola sepak. Dapatkan kajian ini mendapati kemahiran psikologi memberi kesan mendalam terhadap pemain di sepanjang perlawan. Kajian tentang pengalaman mengurus oleh ketua jurulatih juga ada dijalankan antaranya kajianpengalaman mengurus oleh ketua jurulatihsukan wanita melatih atlet lelaki di Amerika Syarikat oleh Cashmore dan Coakley. Dapatkan oleh pengkaji ini pun amat terhad kerana mengikut Cashmore, (2000) dan Coakley, (2010) bilangan wanita yang terlibat dalam bidang pengurusan sukan adalah amat terhad, dan sudah menjadi sejarah bahawa bidang pengurusan sukan telah didominasi oleh lelaki. Penyelidik-penyalidik sebelum ini banyak memberi tumpuan kepada kajian-kajian tentang aspek teknikal dan tektikal dalam permainan bola sepak.

#### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu rekabentuk deskriptif menggunakan soal selidik. Pembolehubah-pembolehubah bersandar dalam penyelidikan ini ialah model pengurusan pasukan sukan bola sepak. Aspek pengurusannya dapat di bagi kepada empat, iaitu pengurusan pasukan, latihan pasukan, penilaian pasukan dan penyeliaan dan pemantauan pasukan. Manakala Pembolehubah tidak bersandar dalam penyelidikan ini adalah terdiri daripada keberkesan dan juga ciri-ciri demografik subjek seperti jantina, umur, sijil kejuruteraan dan pengalaman. Taburan sampel kajian sebanyak 208 responden yang terdiri daripada lelaki 94.2% (196), manakala perempuan 5.8% (12).

Petunjuk dimensi terdapat empat dimensi iaitu pengurusan pasukan, latihan pasukan, penilaian pasukan dan pemantauan dan penyeliaan. Masing-masing dimensi terdiri daripada sepuluh soalan, yang jumlah keseluruhan seolam adalah 40 kesemuanya. Kebolehpercayaan item soalan keseluruhannya adalah 0.91 dan taburan kenormalan didapati kesemua kontrak tersebut adalah bertaburan normal. Setiap item soalan akan di analisis berdasarkan kepada tahap dengan merujuk kepada min dan untuk memudahkan interpretasi ia dibahagikan kepada tiga kategori iaitu min 1.00-2.33 adalah rendah; min 2.34-3.66 adalah sederhana; dan min 3.67 – 5.00 adalah tinggi.

## DAPATAN KAJIAN

### *Demografi Profil Pusat SPTS*

Jadual 1 di bawah menerangkan tentang profil demografi sekolah yang dikaji dari aspek jenis sekolah, lokasi sekolah dan pengiktirafan sekolah

**Jadual 1:** Profil demografi sekolah

| No | Kategori                 | Skala   | Frekuensi                 | Peratus (%)                  |
|----|--------------------------|---|---------------------------|------------------------------|
| 1  | Jenis Sekolah            | SK<br>SM  | 208<br>-                  | 100<br>-                     |
| 2  | Lokasi Sekolah           | Bandar<br>Luar Bandar   | 208<br>-                  | 100<br>-                     |
| 3  | Pengiktirafan<br>Sekolah | Tiada<br>Sekolah Harapan Negara<br>Sekolah Kluster<br>Sekolah Berprestasi Tinggi<br>Lain-lain | 175<br>17<br>-<br>-<br>16 | 84.1<br>8.2<br>-<br>-<br>7.7 |

Berdasarkan kepada Jadual 1 di atas berkaitan dengan kekerapan dan peratusan demografi profil pusat SPTS untuk kajian ini dari aspek kategori jenis sekolah dan lokasi sekolah didapati bahawa kesemua responden terdiri daripada Sekolah Kebangsaan (100%) dan berada di lokasi bandar (100%). Majoriti responden adalah daripada sekolah yang tidak pernah mendapat sebarang pengiktirafan 175 responden (84.1%).

### *Tahap Strategi Pengurusan Pasukan Bola Sepak Program Sekolah dari Aspek Perancangan dan Pelaksanaan Pengurusan Sukan*

**Jadual 2:** Tahap Strategi Pengurusan Pasukan Bola Sepak Program Sukan Prestasi Tinggi (SPTS) di Malaysia dari Aspek Perancangan dan Pelaksanaan Pengurusan Sukan

| No | Item  | Min  | Sisihan<br>Piawai |
|----|---|------|-------------------|
| 1  | Pentadbir memberi fokus kepada sesi latihan pasukan                                       | 5.00 | .00               |
| 2  | Struktur pengurusan pasukan terkini dan relevan, berfungsi dan sesuai dengan program SPTS | 4.76 | .43               |
| 3  | Pentadbir, pegawai dan jurulatih bertindak mengikut prosedur yang ditetapkan              | 4.76 | .43               |
| 4  | Struktur organisasi pasukan bola sepak didokumentasikan                                   | 5.00 | .00               |
| 5  | Fungsi pegawai dan jurulatih diperjelaskan kepada semua pentadbir, pegawai dan jurulatih  | 5.00 | .00               |

|    |   |      |      |
|----|---|------|------|
| 6  | Pengurusan pasukan dilaksanakan mengikut perancangan strategik  | 4.37 | .48  |
| 7  | Faktor kewangan menyebabkan Perancangan Program Latihan pasukan tidak dapat dilaksanakan  | 2.95 | 1.62 |
| 8  | Pentadbir menggalak pegawai dan jurulatih mengikuti kursus berkaitan sukan yang terkini   | 4.80 | .40  |
| 9  | Pentadbir mengamal kaedah ‘sumbangsaran’ bagi mendapat idea daripada pegawai dan jurulatih bagi meningkatkan pengurusan pasukan | 4.61 | .49  |
| 10 | Peralatan latihan digunakan secara optimum  | 4.63 | .48  |

Berdasarkan kepada Jadual 2, didapati 9 item daripada 10 item adalah sangat bersetuju, hanya 1 item sahaja berada pada tahap sederhana. Item sangat tinggi yang mencapai min 5.00 adalah pentadbir memberi fokus kepada sesi latihan pasukan, struktur organisasi pasukan bola sepak didokumentasikan, fungsi pegawai dan jurulatih diperjelaskan kepada semua pentadbir, pegawai dan jurulatih. Seterunya, pentadbir menggalak pegawai dan jurulatih mengikuti kursus berkaitan sukan yang terkini (min 4.80; S.P 0.40), struktur pengurusan pasukan terkini dan relevan, berfungsi dan sesuai dengan sekolah (min 4.76; S.P 0.43), pentadbir, pegawai dan jurulatih bertindak mengikut prosedur yang ditetapkan (min 4.76; S.P 0.43), peralatan latihan digunakan secara optimum (min 4.63; S.P 0.48), pentadbir mengamal kaedah ‘sumbangsaran’ bagi mendapat idea daripada pegawai dan jurulatih bagi meningkatkan pengurusan pasukan (min 4.61; S.P 0.49) dan pengurusan pasukan dilaksanakan mengikut perancangan strategik (min 4.37; 0.38). Satu item yang berada pada tahap sederhana adalah faktor kewangan menyebabkan Perancangan Program Latihan pasukan tidak dapat dilaksanakan (min 2.95; S.P 1.62).

### Tahap Strategi Latihan Sukan Sekolah dari Aspek Perancangan dan Pelaksanaan Pengurusan Sukan

**Jadual 3 :** Tahap Strategi Latihan Sukan Sekolah Malaysia dari Aspek Perancangan dan Pelaksanaan Pengurusan Sukan

| No | Item   | Min  | Sisihan Piawai |
|----|--|------|----------------|
| 1  | Jurulatih mematuhi perancangan dalam Rancangan Latihan yang disediakan         | 5.00 | .00            |
| 2  | Jurulatih melatih berpandukan rancangan latihan yang disediakan                | 4.76 | .43            |
| 3  | Jurulatih menggunakan ICT secara optimum dalam sesi latihan                    | 5.00 | .00            |
| 4  | Setiap tahun jurulatih mengubah kaedah latihan mengikut tahap kebolehan pemain | 5.00 | .00            |
| 5  | Pengetahuan jurulatih dalam mengendali sesi latihan amat mendalam              | 4.76 | .43            |
| 6  | Jurulatih menepati masa dalam sesi latihan                                     | 4.56 | .50            |
| 7  | Jurulatih menggunakan peralatan latihan tambahan dalam sesi latihan            | 4.56 | .50            |
| 8  | Teknik latihan jurulatih amat berkesan (jelas maksud dan boleh difahami)       | 4.56 | .50            |
| 9  | Penyampaian jurulatih jelas dan mudah difahami pemain                          | 4.56 | .50            |

Jadual 3 di atas menunjukkan tahap strategi latihan sukan Sekolah Malaysia dari aspek perancangan dan pelaksanaan dan pelaksanaan pengurusan sukan yang dilaksanakan oleh jurulatih didapati kesemua sembilan item berada pada tahap sangat tinggi. Tiga item berada pada min 5.00S.P 0.00 iaitu jurulatih mematuhi perancangan dalam rancangan latihan yang disediakan, setiap tahun jurulatih mengubah kaedah latihan mengikut tahap kebolehan pemain dan menggunakan ICT secara optimum dalam sesi latihan. Dikuti dengan dua item berada pada min 4.76 dan S.P 0.43 iaitu jurulatih melatih berpandukan rancangan latihan yang disediakan, pengetahuan jurulatih dalam mengendali sesi latihan amat mendalam. Akhir sekali terdapat empat item berada pada min 4.56 dan S.P 0.50 iaitu jurulatih menepati

masa dalam sesi latihan, menggunakan peralatan latihan tambahan dalam sesi latihan, teknik latihan jurulatih amat berkesan dan penyampaian jelas dan mudah difahami pemain.

**Tahap Strategi Penilaian Pemain Pasukan Bola Sepak Sekolah Aspek Perancangan dan Pelaksanaan Pengurusan Sukan**

**Jadual 4 :** Tahap Strategi Penilaian Pemain Pasukan Bola Sepak sekolah Aspek Perancangan dan Pelaksanaan Pengurusan Sukan

| Item |  | Min  | Sisihan<br>Piaawai |
|------|--|------|--------------------|
| 11   | Jawatankuasa penilai/pemilihan bakat/prestasi dilantik berdasarkan pengalaman dalam bidang sukan                                     | 4.61 | .49                |
| 2    | Jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi berfungsi mengurus hal-hal berkaitan penilaian prestasi pemain                       | 4.37 | .48                |
| 3    | Jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi bertanggungjawab mengurus pelaksanaan sesi pemilihan pemain                          | 4.20 | .40                |
| 4    | Hasil penilaian prestasi pemain dipaparkan papan kenyataan   | 4.37 | .48                |
| 5    | Jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi bertanggungjawab menganalisis prestasi pemain  | 4.76 | .43                |
| 6    | Jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi bertanggungjawab memastikan prosedur ujian/pemilihan pemain                          | 4.56 | .50                |
| 7    | Jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi menyimpan rekod pencapaian pemain  | 3.63 | 1.01               |
| 8    | Jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi bertanggungjawab merancang dan mengambil tindakan susulan terhadap pencapaian pemain | 4.39 | .49                |
| 9    | Pentadbir memantau rekod prestasi pemain   | 4.76 | .43                |
| 10   | Pentadbir mengurus rekod dan profil pemain dengan efisen   | 4.80 | .40                |

Jadual 4 di atas, merupakan tahap strategi penilaian pemain pasukan bola sepak sekolah dari spek aspek perancangan dan pelaksanaan pengurusan sukan. Berdasarkan kepada jadual tersebut didapati 9 item daripada 10 item berada pada tahap sangat bersetuju, manakala cuma satu item sahaja berada pada tahap bersetuju sahaja. Item-item berada pada tahap sangat tinggi tersebut adalah pentadbir mengurus rekod dan profil pemain dengan efisen (min 4.8; S.P 0.40) pentadbir memantau rekod prestasi pemain (min 4.76; S.P 0.43), jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi bertanggungjawab memastikan prosedur ujian/pemilihan pemain (min 4.76; S.P 0.43), jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi dilantik berdasarkan pengalaman dalam bidang sukan (min 4.61; S.P 0.49), Jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi bertanggungjawab memastikan prosedur ujian/pemilihan pemain (min 4.56; S.P 0.50), Jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi bertanggungjawab merancang dan mengambil tindakan susulan terhadap pencapaian pemain (min 4.39; S.P 0.49), hasil penilaian prestasi pemain dipaparkan papan kenyataan (min 0.37; S.P 0.48), Jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi berfungsi mengurus hal-hal berkaitan penilaian prestasi pemain (min 0.37; S.P 0.48), dan jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi bertanggungjawab mengurus pelaksanaan sesi pemilihan pemain (min 4.20; S.P 0.40). Akhir sekali, Jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi menyimpan rekod pencapaian pemain berada pada tahap rendah (min 3.63 dan S.P 1.01).

**Tahap Strategi Pemantauan dan Penyeliaan Pasukan Bola Sepak Sekolah Aspek Perancangan dan Pelaksanaan Pengurusan Sukan**

**Jadual 5 :** Tahap Strategi Pemantauan dan Penyeliaan Pasukan Bola Sepak Program SPTS Aspek Perancangan dan Pelaksanaan Pengurusan Sukan

| No | Item   | Min  | Sisihan Piawai |
|----|--|------|----------------|
| 1  | Pentadbir menyediakan jadual pemantauan  | 4.37 | .48            |
| 2  | Pentadbir memantau sesi latihan berdasarkan instrumen penyeliaan yang ada                        | 4.56 | .50            |
| 3  | Pemantauan dibuat 2 kali setahun bagi setiap guru  | 4.37 | .48            |
| 4  | Jadual pemantauan dipatuhi   | 4.76 | .43            |
| 5  | Jurulatih dimaklumkan sebelum diselia  | 4.56 | .50            |
| 6  | Pentadbir merekodkan penyeliaan yang telah dibuat  | 4.37 | .48            |
| 7  | Jurulatih dimaklum tentang instrumen pemantauan  | 4.56 | .50            |
| 8  | Perbincangan dengan jurulatih dilakukan selepas penyeliaan sesi latihan dilaksanakan             | 4.76 | .43            |
| 9  | Pengurus atau penolong pengurus pasukan diberi mandat untuk melaksanakan pemantauan sesi latihan | 4.56 | .50            |
| 10 | Sesi latihan menjadi mantap selepas penyeliaan   | 4.80 | .40            |

Jadual 5 menunjukkan tahap strategi pemantauan dan penyeliaan pasukan bola sepak bagi program SPTS dari aspek perancangan dan pelaksanaan pengurusan sukan. Berdasarkan kepada jadual tersebut didapati kesemua sepuluh item berada pada tahap sangat bersetuju dengan kenyataan yang diberi iaitu min melebihi 3.67. Susunan item mengikut tahap yang paling tinggi hingga yang terendah dimulakan dengan sesi latihan menjadi mantap selepas penyeliaan (min 4.80; S.P 0.40). Seterusnya dua item berada pada (min 4.76; S.P 0.43) iaitu perbincangan dengan jurulatih dilakukan selepas penyeliaan sesi latihan dilaksanakan dan jadual pemantauan dipatuhi. Terdapat tiga item berada pada (min 4.56; S.P 0.50) iaitu pentadbir memantau sesi latihan berdasarkan instrumen penyeliaan yang ada, pengurus atau penolong pengurus pasukan diberi mandat untuk melaksanakan pemantauan sesi latihan, dan jurulatih dimaklum tentang instrumen pemantauan. Akhir sekali terdapat tiga item juga berada pada (min 4.37 dan S.P 0.48) iaitu pentadbir merekodkan penyeliaan yang telah dibuat, pemantauan dibuat 2 kali setahun bagi setiap guru, dan pentadbir menyediakan jadual pemantauan.

### PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini tentang keberkesanan pengurusan pasukan bola sepak sekolah di Malaysia dari aspek perancangan dan pelaksanaan pengurusan sukan didapati 90% item yang dijawab menunjukkan aspek perancangan dan pelaksanaan pengurusan sukan berada pada tahap baik. Bermula dengan struktur pengurusan pasukan terkini dan relevan, berfungsi dan sesuai dengan sekolah yang mana struktur organisasi pasukan bola sepak di dokumentasikan dan pentadbir memberi fokus kepada sesi latihan pasukan. Fungsi pegawai dan jurulatih diperjelaskan kepada semua pentadbir, pegawai dan jurulatih serta pentadbir menggalak pegawai dan jurulatih mengikuti kursus berkaitan sukan yang terkini. Selain itu, pentadbir, pegawai dan jurulatih bertindak mengikut prosedur yang ditetapkan. Dari aspek peralatan latihan yang digunakan secara optimum. Pentadbir juga mengamalkan kaedah sumbangsaran bagi mendapat idea daripada pegawai dan jurulatih bagi meningkatkan pengurusan pasukan. Pentadbir juga mengamalkan sistem pengurusan pasukan mereka mengikut perancangan strategik. Walaubagaimana pun faktor kewangan menyebabkan perancangan program latihan pasukan tidak dapat dilaksanakan berada pada tahap sederhana, yang mana faktor ini merupakan halangan kepada perancangan dan pelaksanaan pengurusan sukan sekolah yang dibuat kajian.

Kedua, keberkesanan strategi latihan sukan pasukan bola sepak Program SPTS di Malaysia dari aspek perancangan dan pelaksanaan pengurusan sukan diapati 100% responden bersetuju bahawa strategi latihan sukan pasukan bola sepak sekolah di Malaysia dari aspek perancangan dan pelaksanaan pengurusan berada pada tahap baik. Gambaran tentang tahap strategi latihan sukan pasukan bola sepak sekolah di Malaysia dari aspek perancangan dan pelaksanaan

pengurusan sukan didapati jurulatih mematuhi perancangan dalam rancangan latihan yang disediakan dan menggunakan teknologi maklumat secara optimum dalam sesi latihan. Jurulatih juga mengubah kaedah latihan mengikut tahap kebolehan pemain setiap tahun dan mereka melatih berpandukan rancangan latihan yang disediakan. Pengetahuan jurulatih dalam mengendali sesi latihan amat mendalam serta sentiasa menepati masa dalam sesi latihan. Mereka juga menggunakan peralatan latihan tambahan dalam sesi latihan dan mengaplikasi teknik latihan jurulatih amat berkesan iaitu jelas maksudnya dan boleh difahami. Penyampaian jurulatih jelas dan mudah difahami pemain dan jurulatih menyumbang kepada suasana sesi latihan yang kondusif iaitu berpakaian sesuai, bersifat mesra dan prihatin terhadap pemain.

Ketiga, dari aspek tahap strategi penilaian pemain pasukan bola sepak sekolah di Malaysia dari aspek perancangan dan pelaksanaan pengurusan sukan. Dari aspek keberkesanan didapati, 90% jawapan yang diberi oleh responden menunjukkan strategi penilaian pemain pasukan bola sepak sekolah di Malaysia dari aspek perancangan dan pelaksanaan pengurusan sukan berada pada tahap baik. Dapatkan kajian menunjukkan pentadbir mengurus dan memantau rekod dan profil pemain dengan efisen. Ini disebabkan mereka telah menubuhkan beberapa jawatankuasa iaitu jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi bertanggungjawab memastikan prosedur ujian/pemilihan pemain, jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi bertanggungjawab menganalisis prestasi pemain, jawatankuasa penilai/pemilihan bakat/prestasi dilantik berdasarkan pengalaman dalam bidang sukan, jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi bertanggungjawab merancang dan mengambil tindakan susulan terhadap pencapaian pemain, jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi berfungsi mengurus hal-hal berkaitan penilaian prestasi pemain, dan jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi bertanggungjawab mengurus pelaksanaan sesi pemilihan pemain. Akhir sekali, hasil penilaian prestasi pemain telah dipaparkan di papan kenyataan. Walaubagaimana pun, jawatankuasa penilaian/pemilihan bakat/prestasi menyimpan rekod pencapaian pemain hanya berada pada tahap sederhana yang mana perlu diperbaiki dan dipertingkatkan pada masa hadapan.

Keempat, dapatkan kajian menunjukkan 100% responden menyatakan keberkesanan strategi pemantauan dan penyeliaan pasukan bola sepak sekolah di Malaysia dari aspek perancangan dan pelaksanaan pengurusan sukan. Keberkesanan yang ditunjukkan iaitu jadual pemantauan dipatuhi sehingga menyebabkan sesi latihan menjadi mantap selepas penyeliaan. Pengurus pasukan diberi mandat untuk melaksanakan pemantauan sesi latihan. Pentadbir menyediakan jadual pemantauan dan jurulatih dimaklumkan terlebih dahulu sebelum diselia. Jurulatih juga dimaklum tentang instrumen pemantauan yang digunakan dan pentadbir memantau sesi latihan berdasarkan instrumen penyeliaan yang disediakan. Perbincangan dengan jurulatih dilakukan selepas penyeliaan sesi latihan dilaksanakan pengurus atau penolong. Akhir sekali, pemantauan dibuat dua kali setahun bagi setiap orang guru dan pentadbir merekodkan penyeliaan yang telah dibuat.

Selain itu, hal ini ada kaitan dengan kepuasan iaitu, kepuasan terhadap perkara yang terjadi apabila segala keperluan individu telah dipenuhi dengan tahap kesukaan dan ketidaksukaan yang berhubung rapat dengan seseorang individu. Kepuasan juga merupakan sifat umum yang dimiliki seseorang individu berkaitan perkara yang mereka yakini setelah melakukan sesuatu pengorbanan (Robbins dan Rosenfeld, 2001). Kepuasan kerja jurulatih dengan pengurusan program latihan yang terancang mempunyai hubungan secara langsung atau tidak langsung yang akan menyebabkan seseorang atlet di bawah kendalian akan merasa puas. Menurut Mallet (2003), jurulatih memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan atlet dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi meningkatkan prestasi atlet dalam sukan yang mereka ceburi. Jurulatih juga mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam mewujudkan keseronokan dan kepuasan serta penyertaan berterusan atlet.

Hamidreza (2013) telah menjalankan kajian berkaitan gaya kepimpinan jurulatih, komitmen sukan terhadap kepuasan atlet pemain bola sepak sekolah menengah di Iran. Dapatkan kajian beliau menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara gaya kepimpinan jurulatih, komitmen sukan dengan kepuasan pemain bola sepak. Gaya kepimpinan dan kepuasan pemain yang semakin bagus akan meningkatkan komitmen pemain dalam sukan. Oleh yang demikian, pengurusan program latihan yang dikendalikan seseorang jurulatih haruslah dapat memuaskan hati atlet sama ada program latihan semasa fasa transisi, fasa persediaan dan fasa pertandingan. Pengurusan pasukan bola sepak sekolah mendapati amat berkesan dari aspek pelaksanaannya dan hal ini amat penting kerana jika atlet tidak berpuas hati terhadap aspek pengurusan program latihan yang dikendalikan oleh jurulatih maka program ini akan gagal. Antara aspek yang menyebabkan atlet kurang puas hati ialah aspek kemahiran dan pengetahuan jurulatih, aspek kemudahan dan fasiliti, aspek program latihan, aspek kewangan, aspek pengurusan persatuan dan organisasi serta aspek kewangan. Faktor ini merupakan antara faktor yang menyebabkan atlet tidak berpuas hati dan perkara ini dipersetujui oleh Gibbons et al. (2003), Greenleaf, Gould, & Dieff enbach (2003) yang menyatakan atlet Sukan Olimpik Amerika

Syarikat tidak berpuas hati terhadap pengurusan program latihan yang dikendalikan oleh jurulatih mereka. Davies, Bloom dan Salmela (2005) menunjukkan terdapat jurulatih yang tidak berpuas hati terhadap tugas pentadbiran yang mengganggu mereka semasa mengendalikan program latihan bersama atlet.

Dapatkan kajian ini juga selari dengan pandangan Greenleaf et al. (2001) dan Frontier (2006) yang menyatakan jurulatih harus merancang aktiviti yang sesuai dan dapat memuaskan hati atlet agar atlet tidak merasa bosan dan atlet dapat mengekalkan tahap kecergasan mereka. Dapatkan ini menunjukkan bahawa atlet memerlukan kesemua aspek dalam fasa pengurusan program latihan jurulatih. Sementara Mallet (2003) pula menyarankan jurulatih perlu mempunyai kemahiran dan ilmu pengetahuan yang mencukupi bagi meningkatkan prestasi atlet dalam bidang sukan yang mereka ceburi sama ada sukan individu maupun sukan berpasukan. Kajian ini menunjukkan kesemua jurulatih mempunyai pengalaman iaitu pengalaman sebagai jurulatih bola sepak di antara 1 hingga 3 tahun sebanyak 61%, 3 hingga 4 tahun sebanyak 37%, hanya 2% sahaja yang tidak mempunyai pengalaman sebagai jurulatih bola sepak.

## KESIMPULAN

Kajian tentang pelaksanaan pengurusan pasukan bola sepak untuk program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah Malaysia didapati ia berada pada tahap sangat memuaskan. Pelaksanaan yang dilakukan juga setanding dengan pendekatan-pendekatan latihan yang dilakukan di luar negara umpamanya di Eropah. Kejayaan industri bola sepak di negara Eropah, selain daripada pendekatan latihan yang sistematik, beberapa faktor seperti fizikal, fisiologi, psiklogikal dan sosiologi merupakan antara faktor utama dalam kejayaan sebuah pasukan bola sepak (William & Reilly, 2000). Program mengenal pasti bakat merupakan keutamaan kebanyakkan negara sebagai cara memanfaatkan bakat sukan yang dimiliki negara untuk membawa kejayaan masa depan di arena antarabangsa (Prescott, 1996). Sebagai contoh dalam Liga Perdana Inggeris pasukan Chelsea, Arsenal dan Manchester United mempunyai pemain berkualiti yang diminati ramai di seluruh dunia kerana kehebatan dan kelincahan para pemain ketika beraksi. Kelab-kelab bola sepak ternama ini juga mempunyai program khas mengenal pasti bakat di kalangan kanak-kanak dan remaja sebelum diserap masuk ke program khas bola sepak di kelab masing-masing. Jika program ini dapat direalitikan pelaksanaan dengan berkesan menerusi peranan jurulatih-jurulatih yang amat komited dan berpengetahuan tinggi dalam kejurulatihan bola sepak, impaknya dalam beberapa tahun akan datang kegemilangan bola sepak negara akan dapat direalisasikan.

## RUJUKAN

- Anuar Din & Dolorine Miting. (2013). Pengaruh gaya kepimpinan jurulatih terhadap kepuasan atlet di sekolah sukan Malaysia. Atikan: *Jurnal Kajian Pendidikan*, 3(2), 195–209.
- Ashadi Zain. (2009). *Strategi Bisnes Manchester United*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Chesterfield, G., Potrac, P., Jones, R. (2010). “Studentship” and “Impression Management” in an Advanced Soccer Coach Education Award.Journal Articles; Report – Evaluative.Education Resources Information Center. URL - <http://www.eric.ed.gov/>
- Education Resources Information Center. URL - <http://www.eric.ed.gov/USOP> Dr Gould
- Gagne, M.(1991). Kecemerlangan Sukan. *Majalah Akademik*, (75) Julai.
- Hamidreza Saybani. (2013). Structural Equation Modelling analysis of the relationship between transformational leadership style of coaches, sport commitment, and athletes' satisfaction among Iranian high school football players. Unpublished Doctor of Philosophy Thesis. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Jin Ho Choi. (2006). The relationship among transformational leadership, organizational outcomes, and service quality in five major NCAA conferences (Tesis master yang tidak diterbitkan). Texas A&M University, USA, Texas.

- Fabrizio, M., Giacomo, S., Edoardo, G.(2008).Team Performance Between Change and Stability : the Case of the Italian 'Serie A'. *Journal of Sport Management*,22 (6), 701-716.
- Tenga, A.P.C.,Holme, I.,Ronglan, L.T.,& Bahr, R.(2011). Effect of Match Location Playing,*Journal of Sports Behavior*. 32(4).
- Tenga, A, Holme, I., Ronglan, L. T., Bahr, R. (2010).Tactics for Goal Scoring in Norwegian Profesional Soccer. Norway. *Norwegian School of Sport Sciences*.28(3):237-44
- Richard, C.,Thelwell.,Iain, A. Greenlees., &Neil, J.V.Weston. (2011). Examining the Use of Psychological Skills Throughout Soccer Performance.*Journal of Sports Behavior*.33(1). 109-127.
- Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia. (Disember 2007). *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. 17(02).
- Kementerian Belia dan Sukan. (1988). Dasar sukan Negara. Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1989). Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Tingkatan II. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Bil. 17/1988. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum. November 24.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(1993). Surat Pekeliling Ikhtisas Bahagian Sekolah.Bil. 7/1993.
- Khoo, K. K. (1991). Kecemerlangan Sukan. Majalah Akademik. (75) Julai.(1992).Sekitar Sukan Malaysia. Berita Minggu May, 31.. (1994. Sekitar Sukan Negara. Sekolah Berfungsi Lahirkan bakat Sukan. Berita Minggu, May, 31.. (1995. Sekitar Sukan Negara. Berita Minggu Mac 19
- Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud. (2000). Profesionalisme Dalam Pengurusan Modul kursus Pengurusan Sukan Kebangsaan(KPSK) Tahap 1, 2011. Kuala Lumpur: Majlis Sukan Negara( MSN)
- Parks J.B., Zanger B.R.K., & Quartermann J. (1998).*Contemporary Sport Management*. USA: Human Kinetics.
- Saedah Siraj. (2010). *Kajian Masa Hadapan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business : A Skill Building Approach*. New York : John Wiley & Son.
- Tudor O. B.(1995). *From Childhood To Champion Athlete*. Canada. Veritas Publishing Inc.
- Wee Eng Hoe.(1994). *Organisasi dan Pentadbiran Sukan dalam Pendidikan Jasmani*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Wee Eng Hoe. (2006). Tanggungjawab jurulatih dalam pengurusan pasukan dan atlet. Dlm. Mohd Salleh Aman (Penyt.).*Pengurusan Sukan: Aplikasinya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.